

19 NOV 2000

Umno-kerajaan

UMNO PIKAT KAKITANGAN AWAM KUMPULAN A UNTUK KUKUHKAN PARTI

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Umno akhirnya menarik balik sekatan terhadap kakitangan awam Kumpulan A untuk bergiat aktif dalam politik dengan meminda perlembagaannya semalam.

Hasil pindaan yang dibuat pada Perhimpunan Agung Khas parti itu, pegawai-pegawai berkenaan kini boleh bertanding untuk memegang jawatan dalam Umno.

Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita di akhir mesyuarat itu bahawa pegawai-pegawai berkenaan bagaimanapun masih perlu mematuhi Perintah Am berhubung penglibatan mereka dalam politik.

Ramai anggota Umno mahukan sekatan itu ditarik balik kerana pegawai-pegawai Kumpulan A dianggap mampu menyumbang secara positif kepada parti berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran mereka.

Cuepacs menyambut baik langkah itu dan menyifatkannya sebagai adil kerana pegawai-pegawai dari sektor swasta dibolehkan memegang jawatan dalam parti.

"Kita tidak boleh halang mereka...kenapa ada diskriminasi terhadap mereka," kata Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam hari ini.

Beliau berkata langkah itu wajar kerana pegawai-pegawai kerajaan boleh memainkan peranan secara berkesan dalam menjelaskan dan menggalakkan dasar kerajaan.

"Kami berpendapat ketua-ketua jabatan perlu turun ke padang untuk menjelaskan dasar kerajaan termasuk kepada kakitangan mereka sendiri. Hanya segelintir saja yang berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata antara isu yang perlu dijelaskan ialah dasar mengenai Sekolah Wawasan, konspe perkongsian bijak dan proses dialog antara pegawai dan kesatuan sekerja.

Siva Subramaniam berkata kajian Cuepacs menunjukkan bahawa kakitangan masih menyokong kerajaan.

Pegawai kerajaan Kumpulan A yang ingin menceburi politik dan memegang jawatan parti perlu memikirkan dahulu tentang Perintah Am.

Perkara 21 (1) Perintah Am untuk Kakitangan Awam (Perilaku dan Disiplin) 1993 melarang pegawai dalam Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional mengambil bahagian secara aktif dalam parti politik. Berdasarkan Perkara 21 (5) mereka bagaimanapun, dibenarkan menjadi anggota biasa.

Mereka juga dikehendaki memberitahu ketua jabatan masing-masing mengenai keanggotaan mereka dalam parti politik.

Dr Mahathir semalam berkata kerajaan belum bercadang untuk meminda Perintah am itu.

Pada masa ini, pegawai kerajaan yang mahu bertanding jawatan seperti ketua bahagian atau anggota jawatankuasa parti, perlu meletak jawatan.

Pada Februari lepas, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali berkata larangan terhadap pegawai Kumpulan A bergiat aktif dalam politik akan dikekalkan kerana jika ditarik balik, terdapat kemungkinan mereka tidak dapat melaksanakan tugas dengan berkesan dan mereka juga mungkin terbabit dalam perbalahan dengan kakitangan mereka.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata ia melibatkan soal pilihan.

Katanya parti politik lain termasuk pembangkang telah menerima pegawai Kumpulan A sebagai anggota.

"Jika parti-parti lain terima secara senyap-senyap, kenapa Umno tidak boleh berbuat demikian. Bezanya ialah Umno sebuah parti telus," katanya.

-- BERNAMA

MAM ES MAI